

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN UNIT INTERNET BERGERAK ATAU
MOBILE INTERNET UNIT (MIU)
DI S.M.K. SEAFIELD, SUBANG JAYA
6 OGOS 1999

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), MIMOS Berhad, United Nations Development Programme (UNDP), Automobile Corporation Malaysia Sdn. Bhd. (ACM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana sudi menjemput saya menghadiri Majlis Pelancaran unit Internet Bergerak atau Mobile Internet Unit (MIU). Sesungguhnya majlis ini merupakan satu lagi tanda kejayaan dalam usaha kita untuk merealisasikan hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat maju yang berasaskan maklumat dan nilai. Ia juga merupakan satu lagi tanda pencapaian dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan pelbagai lapisan masyarakat dan sektor untuk membabitkan diri dalam pembangunan dan penggunaan produk, teknologi dan perkhidmatan yang berasaskan teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia.

2. Sesungguhnya dalam masa 146 hari lagi kita akan melangkah ke abad 21, di mana asas dan kuasa ekonominya adalah berdasarkan ilmu pengetahuan atau knowledge based economy. Di dalam abad ini, maklumat dan ilmu pengetahuan akan menjadi sumber utama untuk memajukan ekonomi sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu membuat perancangan dan persediaan rapi bagi menghadapi cabaran dan halangan mendatang. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information and Communication Technology (ICT) serta kemajuan intelek telah dikenal pasti sebagai komponen utama dalam memastikan bahawa Malaysia dapat bergerak setanding dengan negara-negara maju dalam dekad akan datang.

3. Untuk menghadapi cabaran era maklumat abad 21 ini, Malaysia dalam wawasan 2020 nya telah pun menyatakan dengan jelas, matlamat dan hala tuju negara. Manakala Agenda Teknologi Maklumat Negara atau National I.T. Agenda (NITA) telah pun menyediakan Rangka Kerja Nasional bagi pembinaan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan rakyat dalam bidang ICT bagi migrasi kepada dunia elektronik ala Malaysia (E-Malaysia). Di samping itu, pelbagai usaha dan langkah telah pun diambil bagi mempertingkatkan pembangunan infostruktur ICT negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Walaupun pelbagai usaha dan langkah telah dilakukan bagi meningkatkan pembangunan ICT, kerajaan sedar bahawa masih lagi terdapat jurang di kalangan rakyat Malaysia di dalam pengetahuan dan kemahiran ICT. Kerajaan juga menyedari bahawa tahap akses Teknologi Maklumat khususnya komputer peribadi (pc) masih lagi di tahap yang rendah. Sebagai bandingan, mengikut data yang dikumpul pada tahun 1999, "penetration rate" pc di Amerika Syarikat adalah 450 pc bagi setiap seribu orang, di Jepun (228), di Singapura (316) berbanding di Malaysia, iaitu hanya 65 setiap seribu orang. Pada tahun 1998, jumlah "server" internet sedunia adalah 43.2 juta dan dari jumlah itu, kira-kira 80% berada di Amerika Syarikat, 17% di negara-negara maju yang lain, dan cuma 0.1% sahaja berada di Malaysia. Statistik ini menunjukkan bahawa Malaysia perlu mempertingkat dan memperkembangkan

program ICT untuk merapatkan jurang di kalangan rakyat Malaysia dan juga di antara negara- negara lain.

5. Kerajaan Malaysia, melalui maklum balas Majlis Teknologi Maklumat Negara, telah mengenal pasti masalah ini dan perancangan sedang dibuat untuk menggerakkan negara ke arah dunia elektronik. Jawatankuasa Pelaksanaan Teras Strategik atau Strategic Thrusts Implementation Committee (STIC), telah ditubuhkan untuk memastikan program-program yang dicadangkan oleh lima kumpulan kerja elektronik (e-working groups) di bawah Majlis Teknologi Maklumat Negara dapat dijalankan dengan lancar dan berterusan. Lima bidang teras yang menjadi fokus kini ialah Komuniti Elektronik, Perkhidmatan Awam Elektronik, Ekonomi Elektronik, Pembelajaran Elektronik dan Kedaulatan atau Autonomi Elektronik.

6. Matlamat kerajaan adalah untuk memastikan semua rakyat Malaysia, tidak kira sama ada di bandar ataupun di desa, bersedia dengan corak pemikiran yang mantap bagi menghadapi cabaran dan mengadaptasi peluang di dalam dunia elektronik.

7. Hari ini kita melancarkan Projek Unit Internet Bergerak (MIU) yang merupakan salah satu projek pembelajaran elektronik di bawah penyeliaan jawatankuasa pelaksanaan teras strategik. Saya amat gembira dengan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh pelbagai organisasi dan individu di dalam menjayakan projek ini. Projek ini memberi peluang kepada rakyat jelata pada amnya, dan khususnya kepada guru dan pelajar di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan ICT, untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran ICT. MIU ini memberi peluang mengakses dan mencapai internet untuk mendapat pelbagai maklumat. Ia secara tidak langsung membolehkan minda guru dan pelajar diperluaskan. Malah kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga dapat dipelbagaikan.

8. Unit internet bergerak ini akan menjadi `kenderaan' untuk guru dan pelajar mengakses pelbagai maklumat serta memperolehi pengalaman dan pengetahuan di dunia elektronik. Ia memberi peluang kepada individu untuk membina dan mengembangkan lagi kebolehan mereka. Kini, guru dan pelajar dapat membuat pilihan dan keputusan yang bijaksana, tepat dan pantas, berasaskan butir-butir lengkap yang diperolehi dari pelbagai sumber. Sumber dan kemudahan dalam unit internet bergerak ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh sebuah sekolah malah ia boleh dikongsi dan digunakan oleh beberapa buah sekolah berhampiran. Matlamatnya ialah untuk membangunkan daerah bestari.

9. Projek unit internet bergerak ini merupakan satu usaha positif untuk membentuk masyarakat yang berilmu dan bersepakat. Ia menjadi penggerak minat dan pengenalan komputer dan internet kepada rakyat terutama yang berada di kawasan luar bandar. Saya syorkan projek ini dikaji dengan lebih mendalam dan dipertimbangkan dalam perancangan rancangan Malaysia ke-8 khasnya untuk membina dan membangun rakyat Malaysia yang berketrampilan dan berwawasan. Saya juga mencadangkan agar organisasi-organisasi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Perpustakaan Awam Negara, Kerajaan Tempatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Filem Negara, MIMOS serta sektor swasta menjalankan usahasama untuk mengorientasikan perkhidmatan sedia ada (seperti Perpustakaan Bergerak) berdasarkan konsep Projek Unit Internet Bergerak ini, agar ia dapat membantu rakyat jelata menjadi celik ICT dan seterusnya mencapai wawasan 2020.

10. Di sini saya ingin memetik kata-kata dari seorang pakar ICT, yang berbunyi "kemiskinan maklumat merupakan sesuatu yang malang. Tetapi jika anda kaya maklumat tetapi tidak menggunakannya untuk kebaikan masyarakat, ini merupakan suatu jenayah" atau di dalam bahasa inggeris, "to be information poor is unfortunate, but to be information-rich and not do anything about it to benefit the society we live in, is blatantly criminal".

11. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini yang melaksanakannya dalam bentuk "Smart Partnership" atau Perkongsian Pintar. Saya berharap daripada pengalaman dan pembelajaran yang diperolehi daripada projek MIU ini, pihak UNDP dapat mengaplikasi dan melaksanakan projek seperti ini di negara-negara membangun yang lain. Malaysia sanggup bekerjasama dan memberi sokongan padu kepada mana-mana institusi antarabangsa seperti UNDP yang ingin mengusahakan dan menjayakan projek sedemikian. Malaysia juga bersedia bekerjasama dengan pelbagai pihak daripada luar negara bagi memperkembangkan konsep MIU kepada negara selatan-selatan yang lain sekiranya projek ini terbukti kejayaannya. Sesungguhnya kita akan dapat lebih banyak faedah akhirnya jika sistem seperti ini diperluaskan penggunaannya sama ada dalam negeri kita atau di negeri-negeri lain yang sedang membangun.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Dengan ini saya merasmikan projek unit internet bergerak ini, semoga ia berjaya dan akan memberi khidmatnya berterusan.

Terima kasih.